


A**BORANG INVENTORI WARISAN BUDAYA TIDAK KETARA****NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TRADISI DAN EKSPRESI LISAN, TERMASUK BAHASA SEBAGAI WAHANA
WARISAN BUDAYA TIDAK KETARA, TERMASUK CERITA RAKYAT, NASKAH
MANUSKRIP KUNO, PERMAINAN TRADISIONAL**



NOMBOR KOD: A0001
Rec'd CLT/HHE

Le - 2 AVR. 2024

N°..... 0154

A1.2 Nama lain (*jika ada*)

--

A1.3 Nama Etnik/Komuniti asal Warisan Budaya ini.

Komuniti pantun di Negara Brunei Darussalam: Puak Melayu Brunei dan Puak Melayu Kedayan yang majoritinya mendiami di Daerah Brunei dan Muara dan sebahagiannya di Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Daerah Belait.

A1.4 Lokasi asal Warisan Budaya (*sila nyatakan lokasi utama, dan lokasi lain*)

Daerah Brunei dan Muara dan sebahagiannya di Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Daerah Belait.

A2. Sejarah ringkas Warisan Budaya (*apa? Siapa? Di mana? Bagaimana? Bila? Fungsi? Bagaimana prosesnya? Maksimum 500 patah perkataan*).

Pantun merupakan salah satu puisi Melayu yang digunakan untuk mengekspresikan idea dan emosi yang disampaikan secara berkias/metafora dengan menggunakan bahasa yang halus. Pantun dianggap sebagai benang pengikat yang dapat menyatukan pelbagai masyarakat/komuniti yang mengamalkannya. Pantun yang pendek mempunyai dua baris dengan skema dan rima a-b-a-b. Pantun empat baris merupakan pantun yang paling popular dan mudah disampaikan dalam pengucapan. Sementara, pantun lapan baris pula amat jarang didengar.

Lazimnya, pantun menjunjung tinggi nilai-nilai sosial masyarakat dan tidak kurang juga menyentuh mengenai masalah moral. Penyampaian mesej biasanya sangat halus dan menyentuh. Pantun sebagai contoh pengucapan formal yang baik. Baris pertama dan kedua suatu pantun bertindak sebagai pembayang, manakala baris ketiga dan keempat adalah maksudnya. Setiap baris pada umumnya mengandungi empat perkataan dengan jumlah suku kata 8 hingga 12. Pantun disebarluaskan secara lisan melalui muzik, lagu, tulisan dan termasuk juga internet, televisyen dan media cetak.

Pembayang pantun menggunakan metafora semula jadi untuk mendeskripsikan pengalaman hidup dan kearifan yang diperoleh. Pembayang bertindak sebagai pembayang makna kepada maksud pantun. Secara tradisinya, pembayang menggunakan perlambangan yang berasal daripada alam semula jadi dan selalunya merujuk kepada flora dan fauna tempatan. Dalam pemilihan elemen-elemen ini, pengamal pantun memberikan gambaran mengenai emosi, pemikiran, dan cara hidup manusia. Daripada ayat-ayat halus ini, seseorang dapat menanggapi mengenai bagaimana masyarakat tempatan memahami hubungan mereka dengan alam semula jadi dan meningkatkan kefahaman terhadap budaya Melayu.

A3. Nyatakan nama pakar atau individu yang mempunyai pengetahuan dan mempraktikkan Warisan Budaya ini.

Nama:	Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid
Alamat:	Barong-Barong Pabalat, No. 29, Simpang 1761-30, Kampung Tanjung Nangka, Jalan Tutong BG2321, Negara Brunei Darussalam.
No. Telefon:	
Nama:	Pusat Kegiatan Warga Emas, Daerah Tutong
Alamat:	Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Jalan Bukit Bendera, Pekan Tutong, Negara Brunei Darussalam.
No. Telefon:	
Nama:	Awang Irwan bin Nordin @ Rino
Alamat:	No. 4, Simpang 163-12-19, Kampung Kiarong, Jalan Kiulap Gadong, BE1518, Negara Brunei Darussalam
No. Telefon:	
Nama:	Pengiran Haji Shamsu bin Pengiran Haji Kadar
Alamat:	No. 12, Simpang 124, Kampung Selayun Sengkurong 'B', BG1321, Negara Brunei Darussalam.
No. Telefon:	
Nama:	Dayang Hajah Maisalamah binti Haji Rajab
Alamat:	No. 2, Simpang 607-22-10-62, Kampung Beribi Telanai, Jalan Gadong, BE1118, Negara Brunei Darussalam.
No. Telefon:	

A4. Status terkini Warisan Budaya berkenaan

4.1	Sedang berkembang	<input checked="" type="checkbox"/>
4.2	Masih bertahan	<input checked="" type="checkbox"/>
4.3	Sudah berkurang	
4.4	Terancam	
4.5	Sudah pupus / lenyap	

A5. Usaha dan langkah-langkah revitalisasi, pelestarian, promosi dan pemeliharaan Warisan Budaya ini pada masa ini.

- (a) Promosi langsung atau lisan;
- (b) Pertunjukan seni/budaya, jerayawara, pameran, demonstrasi
- (c) Risalah, poster, surat khabar, majalah
- (d) Radio, Televisyen, Filem
- (e) Belum ada usaha untuk pelestarian/perlindungan Warisan Budaya

A6. Bagaimana cara-cara / amalan terbaik (*best practices*) untuk melestarikan dan mengembangkan Warisan Budaya berkenaan.

Media sosial seperti WhatsApp, Instagram dan Facebook merupakan salah satu platform atau strategi penghasilan pantun oleh pengamal Pantun Melayu. Sesuai dengan sifatnya pantas, pantun-pantun dapat diterima oleh khalayak dalam masa yang singkat. Keberadaan pantun dalam media-media sosial memperlihatkan suatu catatan kehidupan harian dan secara tidak langsung, kesinambungan budaya orang Melayu. Inilah yang diusahakan oleh pengamal pantun dan institusi yang berkenaan sebagai langkah pemeliharaan dan pemuliharaan budaya tak ketara.

A7. Dokumentasi

<input type="checkbox"/>	a) Naskah manuskrip	<input type="checkbox"/>	h) Kaset audio
<input checked="" type="checkbox"/>	b) Buku dan majalah	<input type="checkbox"/>	i) CD audio
<input type="checkbox"/>	c) Mikrofilem	<input type="checkbox"/>	j) CD Data
<input type="checkbox"/>	d) Foto	<input checked="" type="checkbox"/>	k) VCD/DVD
<input checked="" type="checkbox"/>	e) Foto digital	<input type="checkbox"/>	l) Kaset beta
<input type="checkbox"/>	f) Album	<input type="checkbox"/>	m) filem seluloid
<input type="checkbox"/>	g) Peta	<input type="checkbox"/>	n) dan lain-lain (sebutkan)

A8. Dokumentasi Warisan Budaya (ditulis secara lengkap: nama penulis, tahun, judul buku, terbitan, penerbit); naskah kuno/manuskrip, sumber lisan/nama pelaku (saksi sejarah yang masih hidup), usia, dan lain-lain.

1. *Naindong*, 1980. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. *Kikik Serbang Merah: 16 Buah Lagu Kanak-Kanak*, 1980. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. *Daup-daup Bapa*, 1985. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Awang bin Ahmad, 1989. *Pengantar Sastera Lama Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. *Antologi Sastera ASEAN: Warisan Puisi Melayu Brunei*, 1991. Bandar Seri Begawan: The ASEAN Committee On Culture and Information.
6. *Antologi Sastera ASEAN: Bunga Rampai Sastera Rakyat Brunei*, 1992. Bandar Seri Begawan: The ASEAN Committee on Culture and Information.
7. Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, 2001. *Lanang Beladu Lanang: Pengantar & Koleksi Pantun Brunei*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
8. *Adun Nan Alun Sebahetera: Antologi Syair dan Pantun*, 2002. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
9. Haji Mariat Haji Abdullah, 2004. *3 Dalam 1: Antologi Cerpen, Syair dan Pantun*. Percetakan Sendiri.
10. Haji Masri Haji Idris, 2007. *Koleksi Pantun Sindir-Sindir Sayang*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. Haji Zainulabidin Awang Bungsu, 2008. *Kajian dan Himpunan Pantun Melayu Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. *Koleksi Lagu Tradisional Brunei*, 2009. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
13. *Antologi Cerpen dan Puisi: Mitos Pencarian*, 2010. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
14. Haji Sulaiman Haji Duraman, 2011. *Esei dan Pantun*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
15. Rahim M.S., 2012. *Koleksi Pantun dan Sajak: Kembara Dalam Diri*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
16. A.R. Romzi, 2014. *Kumpulan Pantun: Sindir Kasih Subalah Tabir*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
17. *Budaya Perkahwinan Etnik Melayu di Brunei Darussalam*, 2015. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
18. Pengiran Haji Shamsu Pengiran Haji Kadar, 2016. *Kumpulan Pantun Nostalgiku Abadi Pantunku, Dipantuni*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
19. Noraini Mohidin, 2016. *Akal Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
20. Haji Abdullah Haji Bakar, 2017. *Pantun Brunei: Budi Sejati dan Rajang Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
21. Rahim M.S., 2020. *Kumpulan Puisi Gelora Pantai II*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
22. Dayangku Norsafiah Pengiran Sapudin, 2021. *Pantun Kontemporeri dalam Mukun Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
23. *Koleksi Irama dan Lagu O Kanak-Kanak*, 2021. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
24. A. Mohammad Timbang, 2024. *Tik-Tik Lor: Titian Patah*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A9. Persetujuan Pencatatan Warisan Budaya dari:

- (a) Etnik/Komuniti/Organisasi/Persatuan/Pertubuhan/Badan atau
- (b) Kelompok Sosial atau

(c) Perseorangan

Dilampirkan dalam PDF.

Borang ini dicatat oleh:

Nama Pencatat:	
Jawatan:	
Unit/Bahagian/Jabatan:	
No. Telefon:	
Alamat email:	
Tarikh:	
Tandatangan:	